# KHUNSA

DIKELUARKAN OLEH :
JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN

DENGAN KERJASAMA
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI KEDAH DARUL AMAN

# KANDUNGAN

# SEPATAH KATA
## Dato' Mufti Negeri Kedah Darul Aman

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على إمام الداعين وسيد الذاكرين سيدنا محمد ن المبعوث رحمة العالمين وعلى ءاله وصحبه اجمعين . أما بعد؛

Saya mengharapkan agar risalah ini dapat menjadi bahan rujukan dan sebagai panduan kepada umat Islam terhadap persoalan yang nadir tetapi tidak mustahil berlaku dalam masyarakat. Kita sering bertemu dan berbincang tentang persoalan ini tetapi tidak secara spesifik dan berteraskan syariat. Justeru itu sekurang-kurangnya risalah ini mencetus suatu era baru dalam fatwa bila membincangkan isu kontemporari seperti ini.

Meskipun kita perlu melakukan penambahbaikan dari semasa ke semasa terhadap isu-isu seperti ini agar ia lebih mantap namun sebagai kelangsungan ilmu ianya perlu diterbitkan sebagai wadah fatwa kepada masyarakat demi menyedarkan masyarakat terhadap peranan fatwa itu sendiri.

Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat menerbitkan risalah ini dan pentashih yang memberi kerjasama dan komitmen sehingga risalah ini berjaya diterbitkan. Terima kasih juga kepada pihak JAKIM, Dr. Anuar Husaini bin Hussein dari Hospital Alor Star yang telah menyampaikan taklimat berkaitan khunsa kepada Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri dan terima kasih juga kepada Yang Berbahagia Tuan Syeikh Abdul Hamid bin Md.Tahir yang telah memberikan sumbangan penulisan.

Semoga risalah ini dapat dimanfaatkan bagi kemuslahatan umat.

**Dato' Paduka Syeikh Hasbullah bin Haji Abdul Halim,**
*D.H.M.S., D.S.D.K., B.C.K.*
*(Mufti Negeri Kedah Darul Aman)*

# KHUNSA MENURUT ISLAM

(Oleh Tuan Syeikh Abdul Hamid bin Haji Md. Tahir)

## 1. PENGERTIAN KHUNSA

Khunsa ialah manusia yang ada alat jantina lelaki dan alat jantina perempuan atau tidak ada alat jantina lelaki atau perempuan tetapi mempunyai saluran untuk membuang air kecil.

## 2. JENIS-JENIS KHUNSA

Khunsa terbahagi kepada dua jenis, iaitu:

1. Khunsa Wadhih (jenis yang jelas jantinanya) lelaki atau perempuan iaitu seseorang yang ada dua alat jantina: Alat jantina lelaki dan alat jantina perempuan.
2. Khunsa Musykil-khunsa yang tidak jelas alat jantinanya sama ada lelaki atau perempuan.

### 2.1. Khunsa Wadhih:

Ulama telah memutuskan bahawa orang yang mempunyai dua alat jantina ini boleh ditentukan lelaki atau perempuan dengan salah satu daripada tiga cara:

Pertama:
Jika ia membuang air kecil dari alat lelaki maka ia dikira lelaki dan jika ia membuang air kecil melalui alat jantina perempuan maka ia dikira perempuan.

Kedua:
Kemungkinan membuang air kecil melalui kedua-dua alat secara serentak tetapi yang satu mendahului yang satu lagi umpamanya air kencing keluar melalui alat jantina lelaki dahulu maka dikira lelaki dan jika air kencing keluar melalui alat jantina perempuan dahulu maka dikira perempuan. Keadaan ini dikira serupa yang muda atau tua.

Ketiga:
Ini adalah tertentu untuk orang dewasa sahaja iaitu jika keluar air mani melalui kemaluan lelaki dikira lelaki dan jika keluar haid melalui kemaluan perempuan maka dikira perempuan.

Ulama berselisih pendapat pada khunsa yang jelas alat jantinanya tetapi berbeza pada tiga perkara:

Pertama:
Membuang air kecil melalui kedua-dua kemaluan serentak dan tidak ada yang dahulu dan kemudian tetapi banyak melalui satu alat sahaja dan tidak banyak melalui alat yang satu lagi.
Maka pendapat Imam Abu Hanifah bahawa khunsa ini tidak boleh

dikategorikan sebagai khunsa wadhih bahkan ia dikira khunsa musykil.

Tetapi mengikut pandangan Abu Yusuf, Muhammad bin Hassan al-Syaibani, Imam Malik, Imam Syafie dan Imam Ahmad bin Hanbal jika banyak keluar melalui kemaluan lelaki maka dikira lelaki dan jika banyak keluar melalui kemaluan perempuan maka dikira perempuan.

Kedua:

Tumbuh janggut; mengikut pendapat Abu Hanifah, Malik dan Ahmad bin Hanbal jika tumbuh janggut maka ia dikira lelaki. Tetapi Syafie pula berpendapat jika tumbuh janggut sahaja tidak boleh dikira lelaki kalau tidak disokong dengan tanda-tanda lain bahkan ia masih dikira khunsa musykil.

Ketiga:

Pembesaran buah dada; mengikut pendapat Abu Hanifah dan Malik jika membesar buah dada maka dikira perempuan. Tetapi Syafie dan Ahmad bin Hanbal berpendapat kalau membesar buah dada sahaja dengan tidak disokong oleh tanda-tanda lain maka tidak boleh dikira khunsa wadhih

bahkan ia masih dikira khunsa musykil. Walaubagaimanapun semua ulama bersepakat jika seseorang khunsa itu ditumbuhi janggut dan membesar buah dada maka dikira khunsa musykil kecuali jika ada tanda-tanda lain yang boleh menentukan lelaki atau perempuan.

*(Rujuk Kitab أحكام الموارث ص ٢٠١-٢٠٢ untuk khunsa wadhih dan khunsa musykil dari kitab الفقه الاسلامى وأدلته جزء ٤٢٦ )*

## 2.2 Khunsa Musykil:

Khunsa musykil ialah khunsa yang tidak jelas keadaan alat jantinanya maka tidak boleh dibezakan sama ada lelaki atau perempuan seperti ia membuang air kecil melalui kedua-dua alat jantina serentak ataupun tumbuh janggut dan membesar buah dada pada masa yang sama.

Mengikut Dr. Wahbah az-Zuhaili di dalam kitab الفقه الإسلامى وأدلته muka surat 426 juzuk kelapan bahawa jika seorang khunsa berkahwin dengan seorang perempuan maka perempuan itu melahirkan anak maka khunsa itu dikira lelaki. Dan kalau khunsa itu berkahwin dengan lelaki maka khunsa itu mengandung maka ia dikira

perempuan. Pendapat Dr. Wahbah ini secara tidak langsung menjelaskan bahawa khunsa boleh berkahwin sama ada dengan lelaki atau dengan perempuan.

Manakala mengikut kitab Ahkam Almawarith أحكام الموارث muka surat 202 pula khunsa yang mempunyai lubang untuk membuang air kecil tetapi tidak ada kemaluan lelaki dan tidak ada kemaluan perempuan maka ia dikira khunsa musykil semasa ia masih kecil. Ketentuan jantinanya boleh dibuat/dikesan apabila ia dewasa kelak. Ketika dewasa, lalu keluar darah haid atau mengandung maka ia dikira perempuan. Ataupun jika ia tidak didatangi darah haid dan tidak mengandung tetapi ia menceritakan bahawa ia ada keinginan kepada perempuan maka ia dikira lelaki. Sebaliknya jika ia menceritakan bahawa ia tidak ada keinginan kepada lelaki atau kepada perempuan atau ia ada keinginan yang serupa kepada lelaki dan perempuan maka ia adalah khunsa musykil.

## 3. KEDUDUKAN KHUNSA DALAM MASYARAKAT

1. Aurat:

   Dalam Kitab الفقه الإسلامى وأدلته juzuk pertama muka surat 584 menjelaskan bahawa di dalam Mazhab Hanafi dan Mazhab Syafie aurat khunsa sama seperti aurat wanita merdeka iaitu semua badan kecuali muka dan tapak tangan. Maka dikira aurat juga rambut yang terdahulu keluar dari kepala.

2. Hak Menjadi Imam Solat:

   Khunsa boleh menjadi imam kepada perempuan kerana kalau diandaikan ia lelaki maka lelaki sah menjadi imam kepada perempuan dan jika diandaikan ia perempuan maka perempuan sah menjadi imam kepada perempuan.

   Tetapi khunsa tidak sah menjadi imam kepada lelaki dan tidak sah juga menjadi imam kepada sesama khunsa. Ini di mana, khunsa tidak sah menjadi imam kepada lelaki kerana kalau ia perempuan maka perempuan tidak sah menjadi imam kepada lelaki. Manakala menjadi imam kepada

sesama khunsa kerana kemungkinan ia perempuan dan khunsa yang menjadi makmum lelaki – maka perempuan tidak sah menjadi imam kepada lelaki.

3. Kedudukan Khunsa Dalam Saf Solat:

   Dalam Solat jemaah khunsa hendaklah berdiri di belakang saf kanak-kanak lelaki dan di hadapan saf perempuan.

4. Hukum Bersentuhan Yang Membatalkan Wudhu':

   Di dalam kitab Nihayatul Muhtaj juzuk pertama muka surat 103 menyebut lelaki menyentuh lelaki sekalipun amrad yang cantik dan tidak batal wudhu' perempuan sentuh perempuan. Juga tidak batal wudhu' khunsa menyentuh khunsa atau khunsa menyentuh lelaki atau khunsa menyentuh perempuan.

5. Siapa Yang Memandikan Mayat Khunsa:

   Di dalam kitab Sabilul Muhtadin juzuk kedua muka surat 72 menjelaskan bahawa harus bagi tiap-tiap lelaki dan perempuan memandikan mayat khunsa yang tidak mempunyai mahram kerana ketiadaan yang lain lagi dhaif syahwat memandinya sebab mati.

6. Cara Meletak Jenazah Khunsa:

   Jenazah khunsa ketika hendak disolatkan hendaklah diletakkan sama seperti jenazah perempuan iaitu kepala mayat di sebelah kanan imam di mana imam berdiri berbetulan dengan punggung mayat sama seperti perempuan.
   *(Sila lihat muka surat 483 نهاية المحتاج )*

7. Hukum Penerimaan Pusaka:

   Dr. Wahbah az-Zuhaili di dalam kitab Al Fiqhul Islami wa adillatuh muka surat 426 juzuk kelapan menjelaskan sekiranya khunsa itu dikira lelaki atas sebab-sebab yang dijelaskan yang lepas maka ia menerima pusaka mengikut bahagian lelaki. Sebaliknya jika ia dikira perempuan maka ia menerima pusaka mengikut bahagian perempuan. Tetapi kalau ia khunsa musykil maka ia mempunyai banyak pandangan mengenai bahagiannya dalam pusaka. Maka bolehlah merujuk muka surat 427 Fiqh al-Islami juzuk 8 atau kitab الحكام المواريث فى الشريعة الإسلامية muka surat 202 karangan Muhammad Mahyuddin Abdul Hamid.

## 4. PEMBEDAHAN KHUNSA

Sebelum kita membicara mengenai hukum pembedahan khunsa, adalah baik kalau kita

bicara secara sepintas lalu mengenai pembedahan mengubah jantina daripada lelaki kepada perempuan atau sebaliknya. Dr. Muhammad Khalid Mansur dalam bukunya الأحكام الطبية المتعلقة بالنساء فى الفقه الإسلامي muka surat 203 menjelaskan pembedahan kepada lelaki akan berlaku dalam tiga keadaan:

Keadaan pertama:
Ialah menukar wanita secara menyeluruh kepada lelaki seperti memotong terus buah dada dan membuang saluran kemaluan dengan ditanam kemaluan lelaki ditempatnya. Maka pembedahan ini adalah haram secara mutlak kerana ia dikira sebagai mengubah kejadian Allah seperti firman Allah Taala:

وَلَأُضِلَّنَّهُمْ وَلَأُمَنِّيَنَّهُمْ وَلَآمُرَنَّهُمْ فَلَيُبَتِّكُنَّ ءَاذَانَ ٱلْأَنْعَٰمِ وَلَآمُرَنَّهُمْ فَلَيُغَيِّرُنَّ خَلْقَ ٱللَّهِ ۚ وَمَن يَتَّخِذِ ٱلشَّيْطَٰنَ وَلِيًّا مِّن دُونِ ٱللَّهِ فَقَدْ خَسِرَ خُسْرَانًا مُّبِينًا ﴿١١٩﴾

*Maksudnya: "Dan demi sesungguhnya, aku akan menyesatkan mereka (dari kebenaran), dan demi sesungguhnya aku akan memperdayakan mereka dengan angan-angan kosong dan demi sesungguhnya aku akan menyuruh mereka (mencacatkan binatang-binatang ternak), lalu mereka membelah telinga binatang-binatang itu; dan aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah. Dan (ingatlah) sesiapa yang*

*mengambil syaitan menjadi pemimpin yang ditaati selain dari Allah, maka sesungguhnya rugilah ia dengan kerugian yang terang lagi nyata. (An-Nisaa': 119)*

Keadaan Kedua:
Iaitu di mana seseorang itu tidak dapat dikesan lelaki atau perempuan maka pembedahan dapat menentukan jantinanya lelaki atau perempuan.

Keadaan Ketiga:
Di mana seseorang itu ada alat jantina lelaki dan ada alat jantina perempuan maka pembedahan dibuat adalah untuk menentukan arah tuju sahaja sama ada kepada lelaki ataupun perempuan.

Maka dua suasana yang akhir ini adalah dikira sebagai sebahagian daripada penyakit yang diharuskan oleh Islam untuk mengubatinya. Maka dengan ini bermakna pembedahan yang dilakukan ke atas khunsa bagi menentukan jantinanya itu adalah harus dan ia tidak dikira sebagai mengubah kejadian Allah S.W.T. kerana membiarkan khunsa dalam keadaan begitu boleh mendatangkan mudharat kepadanya sedangkan Islam itu datang membawa muslihat dan menolak kemudharatan. Maka atas kaedah inilah pembedahan khunsa adalah diharuskan.

Walaubagaimanapun pembedahan jantina khunsa atau mana-mana jantina ini mestilah mematuhi

beberapa syarat yang dikenakan dalam hukum menanam alat kelamin.

Dr. Mohd. Ali Al-Baz dalam bukunya berjudul الموقف الفقهى والأخلاقى من قضية زرع الأعضاء muka surat 229 menegaskan bahawa menanam atau memindahkan biji telur lelaki kepada lelaki lain atau ovari perempuan kepada perempuan lain adalah tidak harus (haram) kerana biji telur dan ovari ini akan sentiasa mengeluarkan benih sekalipun ia dipindahkan kepada manusia lain dan ini menimbulkan percampuran keturunan yang tidak diharuskan oleh Islam. Tetapi kalau memindahkan anggota kelamin yang tidak memindahkan keturunan atau anggota kelamin yang bukan zakar lelaki atau bukan faraj perempuan maka diharuskan kerana darurat sekiranya mengikut syarat-syarat dan nilai syariat Islam. Ini adalah keputusan Majlis Majma' Fiqh al Islam yang bersidang di Jeddah pada 17 hingga 23 Syaaban 1410 bersamaan 14 hingga 20 Mac 1990.

## 5. PERKAHWINAN KHUNSA

Dr. Wahbah az-Zuhaili menjelaskan dalam kitabnya الفقه الإسلامى وادلته juzuk kelapan mukasurat 426 bahawa khunsa musykil adalah tidak tergambar untuk menjadi suami atau menjadi isteri kerana mereka tidak sah

berkahwin selagi mereka masih dalam musykil.

Tidak terdapat penegasan yang jelas dari kalangan ulama mengenai khunsa wadhih (واضح) sama ada sah atau tidak mereka berkahwin, cuma apa yang dapat disimpulkan dari pandangan ulama ini adalah berdasarkan intisari daripada sebalik penjelasan mereka sahaja seperti yang disebutkan oleh Dr. Wahbah az-Zuhaili dengan katanya: "Sekiranya khunsa berkahwin maka pasangan melahirkan anak maka ia dikira lelaki dan sekiranya ia berkahwin maka ia mengandung maka dikira perempuan". Kata-kata ini seolah menjelaskan bahawa khunsa wadhih boleh berkahwin dengan lelaki atau dengan perempuan.

Walaubagaimanapun beberapa syarat perkahwinan perlu diberi perhatian dalam menentukan sah atau tidak perkahwinan khunsa itu atau haram atau tidak perkahwinan khunsa ini dengan mengambil kira syarat-syarat perkahwinan di dalam mazhab-mazhab fiqh.

Di dalam kitab الفقه على المذاهب الاربعة karangan as-Syeikh Abdul Rahman al-Juzairi juzuk keempat mukasurat 5 menjelaskan

"ويكون النكاح حراما على من لم يخش الزنا وكان عاجزا عن الانفاق على المرأة من كسب حلال أو

عاجزا عن وطئها فإذا علمت المرأة بعجزه عن الوطء ورضيت فإنه يجوز".

Maksudnya: Diharamkan bagi seseorang yang boleh memelihara diri dari berzina itu berkahwin jika ia tahu ia tidak mampu menyara hidup perempuan yang dikahwini itu dari segi nafkah yang halal dan tidak mampu melakukan hubungan kelamin, tetapi apabila wanita yang bakal dikahwininya itu tahu bahawa ia (bakal suaminya) tidak mampu melakukan hubungan kelamin bahkan ia redha dengan hal tersebut maka diwaktu itu ia diharuskan berkahwin.

Makakala dalam kitab الفقه الإسلامي وأدلته juzuk ketujuh muka surat 91 mengikut mazhab Maliki bahawa syarat bakal suami bagi menentukan sah nikah empat perkara:

1. Islam sekiranya bakal isteri muslimah
2. Berakal
3. Mumaiyiz
4. Benar-benar lelaki bagi mengelak dari khunsa musykil kerana khunsa musykil tidak boleh berkahwin dan tidak boleh dikahwinkan - (تحقق الذكورة تحرزا من الخنثى المشكل وإنه لا ينكح ولا ينكح)

# HUKUM MENUKAR STATUS JANTINA

**(Dipetik dari kertas kerja mesyuarat panel kajian Syariah Kali Ke 49 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia)**

## 1. PENDAHULUAN

Golongan transeksual adalah golongan yang menghadapi kekeliruan identiti. Kebanyakan golongan transeksual yang menganggap diri mereka terperangkap dalam fizikal jantina yang berlawanan dengan minda dan perasaan mereka. Keyakinan ini mendorong segelintir daripada komuniti ini nekad melakukan pemindahan menukar jantina dan memohon kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk menukar status jantina dalam kad pengenalan mereka.

Walaupun fatwa mengenai pengharaman menukar jantina melalui pembedahan telah dimaklumi, namun pendirian dari sudut hukum syarak masih diperlukan terutama untuk melihat isu penukaran status jantina khususnya bagi mereka yang telah melakukan pembedahan pertukaran jantina. Ini memandangkan golongan transeksual ini berpandangan bahawa perubahan fizikal dari lelaki kepada perempuan atau sebaliknya tidak memadai sekiranya status jantina tidak diubah. Pertukaran ini adalah sebagai bukti pengiktirafan status jantina mereka.

## 2. DEFINISI KHUNSA DAN MUKHANNATH

Khunsa adalah orang yang mempunyai dua alat kelamin lelaki dan perempuan atau lubang khusus yang terdapat pada tempat kemaluan seperti alat membuang air kecil. Ulama fiqh membahagikan khunsa kepada dua iaitu khunsa Wadhih dan khunsa Musykil.

**Khunsa Wadhih** (غير مشكل) ialah khunsa yang nyata memiliki tanda-tanda kelelakian atau keperempuanan dan dapat dibezakan sama ada lelaki atau perempuan semasa bayi oleh warisnya melalui pemerhatian sifat dan ciri-ciri alat kelamin tersebut atau berdasarkan dari alat yang mana satu tempat keluar air kencing terlebih dahulu. Jantina bayi dapat dikenal pasti dengan jelas berdasarkan yang mana alat yang lebih dominan berbanding dengan yang satu lagi yang kurang berfungsi.

**Khunsa Musykil:** ialah orang yang mempunyai dua alat kelamin dan air kencing keluar serentak dari kedua-dua alat tersebut dan identiti jantinanya sukar dibezakan atau hanya dapat dibezakan setelah baligh. Musykil ini hilang apabila dapat ditentukan dari mana tempat mula keluar air kencing atau yang paling banyak atau dikira yang paling akhir berhenti. *(Lihat Ibnu Qudamah, al-Mughni, Juzuk 6 hlm. 336)*

Kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa air

kencing merupakan tanda umum menentukan khunsa sejak kecil lagi sama ada merupakan seorang lelaki atau perempuan. Apabila anggota kelamin lelaki atau perempuan mengeluarkan air kencing serentak atau tidak dapat ditentukan kuantiti maka ia dianggap khunsa musykil. Jantina mereka hendaklah diteliti setelah baligh dengan tanda-tanda yang dikenal pasti sama ada memiliki ciri-ciri kewanitaan (seperti kedatangan haid) atau kelelakian (seperti tumbuh janggut dan bermisai)

Manakala Mukhannath pula ialah lelaki yang mempunyai tingkah laku seperti perempuan, pakaian perempuan dan berperasaan seperti perempuan.

## 3. FENOMENA GOLONGAN TRANSEKSUAL ATAU MAK NYAH (MUKHANNATH) DI MALAYSIA

Di Malaysia, isu transeksual dianggap sebagai fenomena yang kompleks kerana melibatkan pelbagai faktor termasuk isu biologi, psikologi, persekitaran dan sosial mereka yang terlibat. Secara umumnya gambaran masyarakat terhadap kelompok transeksual ini menjurus kepada lelaki yang bersifat keperempuanan atau perempuan yang bersifat kelelakian. Ia sering dikaitkan homoseksualiti atau lesbian iaitu suatu perlakuan

seksual manusia yang merujuk kepada reaksi erotik, fantasi dan perlakuan seksual kaum sejenis.

*(Mahzan Musa, Dilema Golongan Homoseksual dipetik daripada http://dbp.gov.my; Mechelle Lee Wai Yee, Undering Gendered Identities? Transgenderisme in Malaysia presented in The 4th National on Gender Studies: "Men and Women in Changing Societies", 14–15 September 2002, Equatorial Hotel Bandar Baru Bangi, Selangor)*

Berdasarkan keadaan ini golongan homoseksual atau lelaki yang berlagak perempuan digelar bapok, pondan dan mak nyah (mukhannath) dan mendominasikan bilangan golongan transeksual mukhannath adalah istilah yang merujuk kepada orang lelaki yang mempunyai banyak sifat kewanitaan atau lemah lembut. (Ibnu Qudamah, J6 : 336) Dianggarkan terdapat lebih 10,000 mak nyah di Malaysia dan 70 hingga 80 peratus berbangsa melayu – Islam.

Secara umumnya golongan ini dianggap menyimpang dari norma masyarakat dan sering dipinggirkan. Kebanyakan mak nyah mendapat pendidikan sehingga peringkat menengah tetapi hanya 3 peratus sahaja yang berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat pengajian tinggi. 30 peratus lagi dari mereka didapati mengalami penganiayaan seksual ketika berusia 6 hingga 15 tahun. Malah kajian mendapati ramai yang

menjadikan aktiviti pelacuran sebagai salah satu mata pencarian.

Menurut Dr. Teh Yik Khoon pensyarah bidang psikologi Universiti Utara Malaysia berdasarkan kajian ke atas 507 mak nyah mendapati hanya 19 peratus yang melakukan pembedahan pertukaran jantina. Kebanyakan dari mereka menyedari bahawa pembedahan untuk menukar jantina adalah haram seperti yang diputuskan oleh fatwa. Kajian juga mendapati asas keengganan ini adalah kerana kebimbangan mayat mereka tidak dapat dimandi, dikafan dan diuruskan dengan sempurna kerana kekeliruan status jantina. Mereka merasa aib jasad "wanita" mereka disempurnakan oleh lelaki kerana islam tetap menganggap mereka adalah lelaki walaupun dari segi fizikal tidak menunjukkan demikian. *(New Straits Times, 14 November 2004, Ahad melaporkan hasil kajian oleh Prof. Madya Dr. Teh Yik Khoon dari Universiti Utara Malaysia, "Dilemma of the Mak Nyah" 1997)*

## 4. KEPUTUSAN FATWA LALU

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam kali ke-4 yang bersidang pada 13-14 April 1983 memutuskan bahawa:

1. Pertukaran jantina dari lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan adalah haram di sisi syarak.

2. Seseorang yang dilahirkan lelaki hukumnya tetap lelaki walaupun ia berjaya ditukarkan jantinanya melalui pembedahan.

3. Seseorang yang dilahirkan perempuan hukumnya tetap perempuan walaupun ia berjaya ditukarkan jantinanya melalui pembedahan.

4. Seseorang yang dilahirkan "Khunsa Musykil" iaitu manusia yang dilahirkan mempunyai dua alat kemaluan lelaki dan perempuan diharuskan pembedahan bagi mengekalkan salah satu alat jantina yang benar-benar berfungsi dapat digunakan mengikut keadaan yang sesuai.

## 5. HUJJAH DAN DALIL

### 5.1 Kedudukan Mukhannath dalam Islam

Pembedahan untuk menukar jantina sama ada daripada lelaki kepada perempuan atau sebaliknya jelas bercanggah dengan hukum syarak. Perbuatan ini adalah haram kerana ia semata-mata mengikut hawa nafsu, terpedaya dengan godaan syaitan, tidak mensyukuri nikmat kejadian diri dan termasuk dalam kategori mengubah kejadian Allah S.W.T. seperti firmanNya:

وَلَأُضِلَّنَّهُمْ وَلَأُمَنِّيَنَّهُمْ وَلَآمُرَنَّهُمْ فَلَيُبَتِّكُنَّ ءَاذَانَ ٱلْأَنْعَٰمِ

وَلَأَمُرَنَّهُمْ فَلَيُغَيِّرُنَّ خَلْقَ ٱللَّهِ ۚ وَمَن يَتَّخِذِ ٱلشَّيْطَٰنَ وَلِيًّا مِّن
دُونِ ٱللَّهِ فَقَدْ خَسِرَ خُسْرَانًا مُّبِينًا ﴿١١٩﴾

*Maksudnya: Dan demi sesungguhnya, aku (Syaitan) akan menyesatkan mereka (dari kebenaran), dan demi sesungguhnya aku akan memperdayakan mereka dengan angan-angan kosong, dan demi sesungguhnya aku akan menyuruh mereka (mencacatkan binatang-binatang ternak) lalu mereka membelah telinga binatang-binatang itu, dan aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah. Dan (ingatlah) sesiapa yang yang mengambil syaitan menjadi pemimpin yang mereka taati selain Allah maka sesungguhnya rugilah ia dengan kerugian yang nyata. (Surah an-Nisaa': 119)*

Dalam konteks lelaki yang dikurniakan Allah dengan sifat lemah lembut, mereka harus redha dan berpuas hati. Amat tidak wajar mereka mengambil kesempatan daripada anugerah itu untuk menimpakan dirinya sebagai wanita dengan melayani nafsu membeli alat solek, berpakaian wanita, gerak lemah lembut gemalai dan lebih aib lagi mengadakan hubungan dengan kaum sejenis mereka. Perbuatan ini adalah

dilaknat berdasarkan kepada firman Allah S.W.T.:

وَلُوطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِۦٓ أَتَأْتُونَ ٱلْفَٰحِشَةَ مَا سَبَقَكُم بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِّنَ
ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٨٠﴾ إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ ٱلرِّجَالَ شَهْوَةً مِّن دُونِ ٱلنِّسَآءِ ۚ بَلْ
أَنتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ ﴿٨١﴾

*Maksudnya: Dan Nabi Luth (juga kami utuskan). (Ingatlah) tatkala ia berkata kepada kaumnya "Patutkah kamu melakukan perbuatan keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seseorang pun penduduk alam sebelum kamu. Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan (isteri-isteri), bahkan kamu ini adalah kaum melampaui batas". (Surah al-Akraaf ayat 80-81)*

Mengulas isu homoseksualiti Dr. Yusuf al-Qardhawi berpendapat bahawa Allah bukan sekadar mengharamkan perzinaan dan homoseksualiti malah semua perlakuan yang boleh menjerumuskan diri ke arah itu. Perbuatan keji ini adalah menyalahi fitrah, penyelewengan perlakuan seks dan merupakan bentuk penindasan terhadap hak wanita. Menurut beliau lagi, penularan

aktiviti begitu boleh memusnahkan corak hidup masyarakat dan mengambarkan perhambaan kepada hawa nafsu, keruntuhan akhlak dan nilai kesopanan. (Yusuf al-Qardhawy, Islamonline.net), kisah amalan keji oleh umat Nabi Luth a.s. digambarkan oleh Allah dalam al-Quran:

أَتَأْتُونَ الذُّكْرَانَ مِنَ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٥﴾ وَتَذَرُونَ مَا خَلَقَ لَكُمْ رَبُّكُم مِّنْ أَزْوَاجِكُم بَلْ أَنتُمْ قَوْمٌ عَادُونَ ﴿١٦٦﴾

*Maksudnya: Patutkah kamu melakukan hubungan jenis dengan lelaki dari kalangan manusia? dan kamu tinggalkan apa yang diciptakan oleh tuhan kamu untuk kamu (melakukan hubungan yang halal) dari badan isteri-isteri kamu? Kamu orang yang bersalah bahkan kamu ialah kaum yang melampaui batas (keinginan kebanyakan haiwan). (Surah al-Syu'ara: 165-166)*

Selain melaknat hubungan sesama lelaki, Islam juga melarang keras lelaki yang menyerupai wanita dan sebaliknya. Lelaki berlagak perempuan dan perempuan berlagak lelaki adalah bibit-bibit maksiat yang boleh mengundang perbuatan maksiat. Sebuah hadis menyebut:

عن أبن عباس رضى الله عنهما قال: لعن النبي

صلى الله عليه وسلم المخنثين من الرجال، والمترجلات من النساء (رواه البخاري)

*Ertinya: Dari Ibnu Abbas r.a. berkata. Rasulullah s.a.w. melaknat mukhannath (lelaki yang meniru kelakuan perempuan dari kalangan lelaki dan mutarajjilah (perempuan yang meniru kelakuan lelaki) dari kalangan perempuan. (Riwayat al-Bukhari)*

Dalam hadis lain pula disebut:

عن ابن عباس رضى الله عنه قال: لعن رسول الله صلى الله عليه وسلم المتشبهين من الرجال بالنساء والمتشبهات من النساء بالرجال (رواه البخاري)

*Ertinya: Daripada Ibnu Abbas r.a. berkata bahawa: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. melaknat golongan lelaki yang menyerupai perempuan dan golongan perempuan yang menyerupai lelaki (Riwayat al-Bukhari)*

Sebuah lagi hadis menyebut:

عن أبي هريرة قال: رسول الله ﷺ الرجل يلبس لبسة المرأة، والمرأة تلبس لبسة الرجل (رواه أبو

داود والنسائى وابن حبان والحاكم وقال ك:
صحيح على شرط مسلم)

*Ertinya: Dari Abu Hurairah r.a. berkata: Rasulullah s.a.w. melaknat lelaki yang memakai pakaian wanita dan wanita yang memakai pakaian lelaki.*

Menurut Al-Sayyid Sabiq dalam kitabnya Fiqh al-Sunnah menyatakan Islam mengkehendaki wanita mengekalkan sifat keistimewaan pada dirinya dan menzahirkan keistimewaan itu dengan gambaran yang sebenar. Begitu juga sebaliknya bagi kaum lelaki. Oleh sebab itu, Islam melarang dan mengharamkan meniru jantina lain sama ada pakaian, percakapan, gerak geri dan sebagainya. (al-Sayyid Sabiq: 386)

Pendapat ini adalah selaras dengan pandangan Dr. Abdul Karim Zaidan yang menyatakan pengharaman itu adalah demi menjaga keperibadian, keistimewaan dan ciri kesempurnaan yang diberi oleh Allah kepada wanita dan lelaki. (Lihat Abdul Karim Zaidan: 343-344)

Dalam konteks ini, ketika mengulas larangan Islam lelaki menyerupai wanita sebaliknya, ulama kontemporari yang terkenal Syeikh Dr. Yusuf al-Qardhawy berpendapat bahawa

larangan ini adalah termasuk meniru percakapan, gerak geri, lengguk jalan, pakaian dan sebagainya. Ia bukan sahaja dilaknat tetapi bagi beliau ianya merupakan ancaman yang merbahaya kepada kehidupan bermasyarakat kerana sikap ini melanggar norma dan menentang tabiat semulajadi. Sedangkan lelaki dan perempuan dijadikan dengan keistimewaan masing-masing. (Dr. Yusuf al-Qardhawy: 84)

Di negara ini, undang-undang memperuntukkan bahawa lelaki yang berlagak seperti perempuan adalah melakukan kesalahan yang boleh dikenakan hukuman. Sebagai contoh dalam Seksyen 7 Enakmen Kanun Jenayah Syariah Negeri Kedah 1988 memperuntukkan:

"Mana-mana orang lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM1,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya"

Bagaimanapun Enakmen ini tidak memperuntukkan mengenai mana-mana perempuan yang berpakaian atau berlagak seperti lelaki di tempat awam sebagai kesalahan yang boleh dikenakan tindakan undang-undang.

ڤرمڤوان دجاديکن دغن کإيستيميواءن ماسيڠ٢ (دوکتور يوسف القرضاوي: 84)

دنکارا اين، اوندڠ٢ ممڤراونتوقکن بهوا للاکي يڠ برلاکق سڤرتي ڤرمڤوان اداله ملاکوکن کسالهن يڠ بوليه دکناکن حکومن. سباکاي چونتوه دالم سيکشين 7 اينيکمين قانون جناية شرعية نکري قدح 1988 ممڤراونتوقکن:

"مان٢ اورڠ للاکي يڠ مماکي ڤکاين ڤرمڤوان دان برلاکق سڤرتي ڤرمڤوان دمان٢ تمڤت عوام اداله برساله اتس سواتو کسالهن دان بوليه اڤبيل دثابتکن دکناکن حکومن دندا تيدق ملبيهي ساتو ريبو ريڠکيت اتو ڤنجارا سلاما تيمڤوه تيدق ملبيهي انم بولن اتو کدوا٢ث"

باکيمانڤون اينيکمين اين تيدق ممڤراونتوقکن مڠنأي مان٢ ڤرمڤوان يڠ برڤکاين اتو برلاکق سڤرتي للاکي دتمڤت عوام سباکاي کسالهن يڠ بوليه دکناکن تيندقکن اوندڠ٢.

منوروت السيد سابق دالم كتابڽ "فقه السنه" ميتاکن اسلام مڠکهندقکي وانيتا مڠکللکن صفة کاٴيستيميواٴن ڤد ديريڽ دان منظاهيرکن کاٴيستيميواٴن ايت دڠن کمبران يڠ سبنر. بکيتو جوک سباليقڽ باݢي قوم للاکي. اوليه سبب ايت، اسلام ملارڠ دان مڠحرامکن منيرو جنتينا لأين سمأدا ڤکاين، ڤرچکاڤن، ݢرق ݢري دان سباݢايڽ (السيد سابق: 386)

ڤنداڤت اين اداله سلارس دڠن ڤنداڠن دوکتور عبدالکريم زيدان يڠ ميتاکن ڤڠحرامن ايت اداله دمي منجاݢ کڤريبادين، کاٴيستيميواٴن دان چيري کسمڤورناٴن يڠ دبري اوليه الله کڤد وانيتا دان للاکي (ليهت عبدالکريم زيدان: 343-344)

دالم کونتيکس ايت، کتيك مڠولس لاراڠن اسلام للاکي يڠ ميروڤأي وانيتا دان سباليقڽ، علماء کونتيمڤورري يڠ ترکنال الشيخ دوکتور يوسف القرضاوي برڤنداڤت بهوا لاراڠن اين اداله ترماسوق منيرو ڤرچاکڤن، ݢرق ݢري، ليڠݢوق جالن، ڤکاين دان سباݢايڽ. اي بوکن سهاج دلعنة تتاڤي باݢي بلياو اياڽ مروڤاکن انچامن يڠ مربهيا کڤد کهيدوڤن برمشارکة کران سيکڤ اين ملڠݢر نيلاي نورما دان منتڠ طبيعة سمولاجادي. سدڠکن للاکي دان

(ڤرمڤوان يڠ منيرو كلاكوان للاكي) دري كلاڠن ڤرمڤوان (رواية البخاري)

دالم حديث لأين ڤول دسبوت:

عن ابن عباس رضى الله عنه قال: لعن رسول الله صلى الله عليه وسلم المتشبهين من الرجال بالنساء والمتشبهات من النساء بالرجال (رواه البخاري)

مقصودڽ: درڤد ابن عباس رصى الله عنه بركات بهوا: سسوڠڬوهڽ رسول الله ﷺ ملعنة ڬولوڠن للاكي يڠ ميروڤأي ڤرمڤوان دان ڬولوڠن ڤرمڤوان يڠ ميروڤأي للاكي (رواية البخاري)

سبواه لاڬي حديث مبوت:

عن أبي هريرة قال: رسول الله ﷺ الرجل يلبس لبسة المرأة، والمرأة تلبس لبسة الرجل (رواه أبو دأود والنسائى وابن حبان والحاكم وقال ك: صحيح على شرط مسلم)

ارتيڽ: دري أبي هريرة رضى الله عنه بركات: رسول الله ﷺ ملعنة للاكي يڠ مماكي ڤكاين وانيتا دان وانيتا يڠ مماكي ڤكاين للاكي.

أَتَأْتُونَ ٱلذُّكْرَانَ مِنَ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٦٥﴾ وَتَذَرُونَ مَا خَلَقَ لَكُمْ رَبُّكُم مِّنْ أَزْوَٰجِكُم ۚ بَلْ أَنتُمْ قَوْمٌ عَادُونَ ﴿١٦٦﴾

مقصودڽ: ڤاتوتكه كامو ملاكوكن هوبوڠن جنيس دڠن للاكي دري كالڠن مأنسي؟ دان كامو تيڠݢلكن اڤ يڠ دچيڤتاكن اوليه توهن كامو اونتوق كامو (ملاكوكن هوبوڠن يڠ حلال) دري بادن استري٢ كامو؟ كاموا اورڠ يڠ برساله بهكن كامو اياله قوم يڠ ملمڤاوي باتس (كإيڠينن كباڤقكن حيوان). (سورة الشعراء: 165-166)

سلأين ملعنة هوبوڠن سسام للاكي، اسلام جوݢ ملارڠ كرس للاكي يڠ ميروڤأي وانيتا دان سباليقڽ. للاكي برلاݢق ڤرمڤوان دان ڤرمڤوان برلاݢق للاكي اداله بيبيت٢ معصية يڠ بوليه مڠوندڠ ڤربواتن معصية. سبواه حديث ميبوت:

عن أبن عباس رضى الله عنهما قال: لعن النبي صلى الله عليه وسلم المخنثين من الرجال، والمترجلات من النساء (رواه البخاري)

ارتيڽ: دري ابن عباس رضى الله عنهما بركات: رسول الله ﷺ ملعنة مخنث (للاكي يڠ منيرو كلاكوان ڤرمڤوان) دري كالڠن للاكي دان مترجله

مقصودث: دان نبي لوط (جوك كامي اوتوسكن) . (ايغتله) تتكالا اي بركات كڤد قومڽ 'ڤاتوتكه كامو ملاكوكن ڤربواتن يڠ كجي، يڠ تيدق ڤرنه دلاكوكن اوليه سسئورڠ ڤون دري ڤندودوق عالم سبلوم كامو. سسوڠݢوهڽ كامو منداتڠي للاكي اونتوق مماواسكن نفسو شهوة كامو دڠن منيڠݢلكن ڤرمڤوان (استريم). بهکن کامو این اداله قوم يڠ ملمڤاوي باتس' (سورة الأعراف أية 80-81)

مڠولس ايسو هوموسيكشواليتي (homoseksualiti) دوكتور يوسف القرضاوي برڤنداڠن بهوا الله بوكن سقدر مڠحرامكن ڤرزناءن دان هوموسيكشواليتي (homoseksualiti) ماله سموا ڤرلاكوان يڠ بوليه منجوروسكن ديري كأره ايت . ڤربواتن كجي اين اداله مپالاهي فطره، ڤليويڠن ڤرلاكوان سيكس دان مروڤاكن بنتوق ڤنينداسن ترهادڤ حق وانيتا . منوروت بلياو لاݢي، ڤنولارن اكتيۏيتي بݢيني بوليه مموسنهكن چورق هيدوڤ مشاركة دان مڠݢمبركن ڤرهمباءن كڤد هاوا نفسو، كرونتوهن اخلاق دان نيلاي كسوڤانن. (يوسف القرضاوي Islamonline.net)، قيصه عمالن كجي اوليه اومة نبي لوط عليه السلام دݢمبركن اوليه الله دالم القرءان:

مقصودڽ: دان دمي سسوڠݢوهڽ، اکو (شيطان) اکن مپستکن مريك (دري کبنران). دان دمي سسوڠݢوهڽ اکو اکن ممڠردايکن مريك دڠن اڠن٢ کوسوڠ، دان دمي سسوڠݢوهڽ اکو اکن مپوروه مريك (منچاچتکن بناتڠ٢ ترنق) لالو مريك ممبله تليڠا بناتڠ٢ ايت، دان اکو اکن مپوروه مريك مڠوبه چيڤتاءن الله . دان (ايڠتله) سسياڤ يڠ مڠمبيل شيطان منجادي ڤميمڤين يڠ دطاعتي سلأين الله مك سسوڠݢوهڽ روݢيله اي دڠن کروݢين يڠ ڽات (سورة النساء: 119)

دالم کونتيکس للاکي يڠ دکورنياکن الله دڠن صفة لمه لمبوت، مريك هاروس ريضا دان برڤواس هاتي . امت تيدق واجر مريك مڠمبيل کسمڤاتن درڤد انوݢره ايت اونتوق منمڤيلکن ديريڽ سباݢاي وانيتا دڠن ملايني نفسو ممبلي الت سوليق، برڤاکين وانيتا، ݢرق ݢري لمه ݢمالاي دان لبيه عيب لاݢي مڠاداکن هوبوڠن دڠن قوم سجنيس مريك . ڤربواتن اين اداله دلعنة برداسرکن کڤد فرمان الله سبحانه وتعالى:

وَلُوطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِۦٓ أَتَأْتُونَ ٱلْفَٰحِشَةَ مَا سَبَقَكُم بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِّنَ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٨٠﴾ إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ ٱلرِّجَالَ شَهْوَةً مِّن دُونِ ٱلنِّسَآءِ ۚ بَلْ أَنتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ ﴿٨١﴾

قمبداهن.

3. سسئورغ يغ دلاهيركن ڤرمڤوان حكومڽ تتڤ ڤرمڤوان والوڤون اي برجاي دتوكركن جنتيناڽ ملالوءي ڤمبداهن.

4. سسئورغ يغ دلاهيركن "خنثى مشكل" يأيت مأنسي يغ دلاهيركن ممڤوڽأي دوا الت كمالوان للاكي دان ڤرمڤوان، دهاروسكن ڤمبداهن باڬي مڠكلكن ساله ساتو الت جنتينا يغ بنر٢ برفوڠسي داڤت دكوناكن مڠيكوت كأداءن يغ سسواي.

## 5. حجه دان دليل

### 5.1 كدودوقكن مخنث دالم اسلام

ڤمبداهن اونتوق منوكر جنتينا سمأدا درڤد للاكي كڤد ڤرمڤوان اتو سباليقڽ جلس برچڠكه دڠن حكوم شرع. ڤربواتن اين اداله حرام كران اي سمات٢ مڠيكوت هاوا نفسو، ترڤدايا دڠن ڤوداءن شيطان، تيدق منشكوري نعمة كجادين ديري دان ترماسوق دالم كاتيڬوري مڠوبه كجادين الله سبحانه وتعالى سڤرتي فرمانڽ:

وَلَأُضِلَّنَّهُمْ وَلَأُمَنِّيَنَّهُمْ وَلَآمُرَنَّهُمْ فَلَيُبَتِّكُنَّ ءَاذَانَ ٱلْأَنْعَٰمِ وَلَآمُرَنَّهُمْ فَلَيُغَيِّرُنَّ خَلْقَ ٱللَّهِ ۚ وَمَن يَتَّخِذِ ٱلشَّيْطَٰنَ وَلِيًّا مِّن دُونِ ٱللَّهِ فَقَدْ خَسِرَ خُسْرَانًا مُّبِينًا ﴿١١٩﴾

اونيۏرسيتي اوتارا مليسيا برداسركن كاجين كأتس 507 مق
يه منداقتي هاڽ 19 ڤراتوس يڠ ملاكوكن ڤمبداهن
ڤرتوكران جنتينا. كباڽقكن دري مريك مڤداري بهوا
ڤمبداهن اونتوق منوكر جنتينا اداله حرام سڤرتي يڠ
دڤوتوسكن اوليه فتوى. كاجين جوݢ منداڤتي اساس
كاڠݢاڤن اين اداله كران كبيمباڠن ميت مريك تيدق داڤت
دمنديي، دكفن دان داوروسكن دڠن سمڤورنا كران
ككليروان ستاتوس جنتينا. مريك مراسا عيب جسد
'وانيتا' مريك دسمڤورناكن اوليه للاكي كران اسلام تتڤ
مڠاڠݢڤ مريك اداله للاكي والوڤون دري سݢي فيزيكل
تيدق منونجوقكن دمكين.

*(New Straits Times, 14 November 2004, Ahad melaporkan hasil kajian oleh Prof. Madya Dr. Teh Yik Khoon dari Universiti Utara Malaysia, "Dilemma of the Mak Nyah" 1997)*

### 4. كڤوتوسن فتوى لالو

مذكره جواتنكواس فتوى كبڠساءن باݢي حال احوال اݢام
اسلام كالي ك 4 يڠ برسيدڠ ڤد 13-14 اڤريل 1983
مموتوسكن بهوا:

1. ڤرتوكران جنتينا دري للاكي كڤد ڤرمڤوان اتو سباليقڽ ملالوءي ڤمبداهن اداله حرام دسيسي شرع.
2. سسئورڠ يڠ دلاهيركن للاكي حكومڽ تتڤ للاكي والوڤون اي برجاي دتوكركن جنتيناڽ ملالوءي

سيکشوال قوم سجنيس .

*(Mahzan Musa, Dilema Golongan Homoseksual dipetik daripada http://dbp.gov.my; Mechelle Lee Wai Yee, Undering Gendered Identities? Trans-genderisme in Malaysia presented in The 4th National on Gender Studies: "Men and Women in Changing Societies", 14–15 September 2002, Equatorial Hotel Bandar Baru Bangi, Selangor)*

برداسرکن کأداءن اين ݢولوڠون هوموسيکشوال اتو للاکي يڠ برلاکو ڤرمڤوان دکلر باڤوق، ڤوندان دان مق ڽاه (مُخَنَّثْ) دان مندومينااسيکن بيلاڠن ݢولوڠن ترانسيکشوال (transeksual) مُخَنَّثْ اداله اصطلاح يڠ مروجوق کڤد اورڠ للاکي يڠ ممڤوڽأي باڽق صفة کوانيتاءن اتو لمه لمبوت . (إبن قدامه، جيليد 6: 336) داڠکرکن ترداڤت لبيه 10,000 مق ڽاه دمليسيا دان 70 هيڠݢ 80 ڤراتوس بربڠسا ملايو – اسلام .

سچارا عمومڽ ݢولوڠن اين دأڠݢڤ ميمڤڠ دري نورما مشارکة دان سريڠ دڤيڠݢيرکن . کباڽقکن مق ڽاه منداڤت ڤنديديقکن سهيڠݢ ڤريڠکت منڠه تتاڤي هاڽ 3 ڤراتوس سهاج يڠ برجاي ملنجوتکن ڤڠاجين کڤريڠکت ڤڠاجين تيڠݢي . 30 ڤراتوس دري مريك دداڤتي مڠالامي ڤڠانيأياءن سيکشوال کتيك براوسيا 6 هيڠݢ 15 تاهون . ماله کاجين منداڤتي رامي يڠ منجاديکن اکتيۏيتي ڤلاچوران سباݢاي ساله ساتو مات ڤنچارين .

منوروت Dr. Teh Yik Khoon ڤنشرح بيدڠ ڤسيکولوݢي

سئورڠ للاكي اتو ڤرمڤوان . اڤبيل اݢكوتا كلامين للاكي
اتو ڤرمڤوان مڠلواركن اير كنچيڠ سرنتق اتو تيدق داڤت
دتنتوكن كوانتيتي (kuantiti) مك اي داڠݢڤ خنثى
مشكل . جنتينا مريك هندقله دتليتي ستله بالغ دڠن تندا٢
يڠ دكنل ڤستي سمأدا مميليقكي چيري٢ كوانيتاءن
(سڤرتي كداتڠن حيض) اتو كللاكين (سڤرتي تومبوه
جڠكوت دان ميساي)

منكلا مُـخَنَّثْ ڤول اياله للاكي يڠ ممڤوڽأي تيڠكه لاكو
سڤرتي ڤرمڤوان، ڤكاين ڤرمڤوان دان برڤراساءن سڤرتي
ڤرمڤوان .

3 . فينومينا ݢولوڠن ترانسيكشوال (transeksual) اتو مق ڽه
(مُخَنَّثْ) دمليسيا

دمليسيا، ايسو ترانسيكشوال (transeksual) داڠݢڤ
سباݢاي فينومينا يڠ كومڤليكس كران مليبتكن ڤلباݢاي
فكتور ترماسوق ايسو بيولوجي (biologi)، ڤسيكولوݢي
(psikologi)، ڤرسكيترن دان سوشيال مريك يڠ ترليبت .
سچارا عمومڽ ݢمبران مشاركة ترهادڤ كلومڤوق
ترانسيكشوال (transeksual) اين منجوروس كڤد للاكي يڠ
برصفة كڤرمڤوانن اتو ڤرمڤوان يڠ برصفة كللاكين . اي
سريڠ دكأيتكن هوموسيكشواليتي (homoseksualiti) اتو
ليسبين (lesbian) يأيت سواتو ڤرلاكوان سيكشوال مأنسي
يڠ مروجوق كڤد رياكسي ايروتيك، ڤنتاسي دان ڤرلاكوان

## 2. ديفينيسي "خُنْثَى" دان "مُخَنَّثْ"

خُنْثَى اداله اورغ يغ ممڤوپاءي دوا الت كلامين للاكي دان ڤرمڤوان اتو لوبڠ خصوص يغ ترداڤت ڤد تمڤت كمالوان سڤرتي الت ممبوڠ اير كچيل. علماء فقه ممبهاڬيكن خنثى كڤد دوا يأيت خنثى واضح دان خنثى مشكل.

خنثى واضح (غير مشكل): اياله خنثى يغ ڤات مميليقكي تندا٢ كللاكين اتو كڤرمڤوانن دان داڤت دبيذاكن سمأدا للاكي اتو ڤرمڤوان سماس بايي اوليه واريث ملالوءي ڤمرهاتين صفة دان چيري٢ الت كلامين ترسبوت اتو برداسركن دري الت يغ مان ساتو تمڤت كلوار اير كنچيڠ ترلبيه دهولو. جنتينا بايي داڤت دكنل ڤستي دڠن جلس برداسركن يغ مان الت يغ لبيه دومينن (dominan) بربنديڠ دڠن يغ ساتو لاڬي يغ كورڠ برفوڠسي.

خنثى مشكل: اياله اورڠ يغ ممڤوپأي دوا الت كلامين دان اير كنچيڠ كلوار سرنتق دري كدوا٢ الت ترسبوت دان ايدينتيتي جنتيناڽ سوكر دبيذاكن اتو هاڽ داڤت دبيذاكن ستله بالغ. مشكل اين هيلڠ اڤبيل داڤت دتنتوكن دري مان تمڤت مول كلوار اير كنچيڠ اتو يغ ڤاليڠ باپق اتو دكيرا يغ ڤاليڠ اخير برهنتي (ليهت ابن قدامه، المغني، جزوء 6 هـ 336)

كسيمڤولنڽ داڤتله دكتاكن بهوا اير كنچيڠ مروڤاكن تندا عموم منتوكن خنثى سجق كچيل لاڬي سمأدا مروڤاكن

# حکوم منوکر ستاتوس جنتينا

(دڤتيق دري کرتس کرج مشوارات ڤينل کاجين شريعة
کالي ک 49 جباتن کماجوان اسلام مليسيا)

1. ڤندهولوان

ݢولوڠن ترانسيکشوال (transeksual) اداله ݢولوڠن يڠ مڠهادڤي ککليروان ايدينتيتي(identiti). کباڽقکن ݢولوڠن ترانسيکشوال (transeksual) يڠ مڠاڠکڤ ديري مريک ترڤرڠکڤ دالم فيزيکل جنتينا يڠ برلاوانن دڠن ميندا دان ڤراساءن مريک. کيقينن اين مندوروڠ سکلينتير درڤد کومونيتي (komuniti) اين نيکد ملاکوکن ڤمبداهن منوکر جنتينا دان مموهون کڤد جباتن ڤندفتران نݢارا اونتوق منوکر ستاتوس جنتينا دالم کارد ڤڠنالن مريک.

والوڤون فتوى مڠناءي ڤڠحرامن منوکر جنتينا ملالوءي ڤمبداهن تله دمعلومي، نامون ڤنديرين دري سودوت حکوم شرع ماسيه دڤرلوکن تراوتام اونتوق مليهت ايسو ڤنوکران ستاتوس جنتينا خصوصڽ باݢي مريک يڠ تله ملاکوکن ڤمبداهن ڤرتوکران جنتينا. اين ممندڠکن ݢولوڠن ترانسيکشوال (transeksual) اين برڤنداڠن بهوا ڤراوباهن فيزيکل دري للاکي کڤد ڤرمڤوان اتو سباليقڽ تيدق ممادائي سکيراڽ ستاتوس جنتينا تيدق داوبه. ڤرتوکران اين اداله سباݢاي بوقتي ڤڠإعترافن ستاتوس جنتينا مريک.

3. مميز
4. بنر٢ للاكي باكي مغيلق دري خنثى مشكل كران خنثى مشكل تيدق بوليه بركهوين دان تيدق بوليه دكهوينكن - (تحقق الذكورة تحرزا من الخنثى المشكل وإنه لا ينكح ولا ينكح)

دالم كتاب ’’الفقه على المذاهب الأربعة‘‘ كارغن الشيخ عبدالرحمن الجزيري جزء كأمڤت موك سورت 5 منجلسكن:

’’ويكون النكاح حراما على من لم يخش الزنا وكان عاجزا عن الانفاق على المرأة من كسب حلال أو عاجزا عن وطئها فإذا علمت المرأة بعجزه عن الوطء ورضيت فإنه يجوز‘‘ .

مقصودڽ: دحرامكن باݢي سسئورڠ يڠ بوليه مميليهارا ديري دري برزنا ايت بركهوين جك اي تاهواي تيدق ممڤو مبارا هيدوڤ ڤرمڤوان يڠ دكهويني‌ڽ ايت دري سݢي نفقه يڠ حلال دان تيدق ممڤو ملاكوكن هوبوڠن كلامين، تتاڤي اڤبيل وانيتا يڠ باكل دكهويني‌ڽ ايت تاهو بهوا اي (باكل سوامي‌ڽ) تيدق ممڤو ملاكوكن هوبوڠن كلامين بهكن اي ريضا دڠن حال ترسبوت مك دوقت ايت اي دهاروسكن بركهوين .

منكالا دالم كتاب ’’الفقه الإسلامي وأدلته‘‘ جزء كتوجوه موك سورت 91 مڠيكوت مذهب مالكي بهوا شرط باكل سوامي باݢي منتوكن صح نكاح امڤت ڤركارا:

1. اسلام سكيراڽ باكل استري مسلمه
2. برعقل

هيڠݢ 20 ماچ 1990 .

5 . ڤركهوينن خنثى

دوكتور وهبه الزحيلي منجلسكن دالم كتابڽ الفقه الإسلامي وأدلته جزء كلاڤن موك سورت 426 بهوا خنثى مشكل اداله تيدق تركمبر اونتوق منجادي سوامي اتو منجادي استري كران مريك تيدق صح بركهوين سلاكي مريك ماسيه دالم مشكل .

تيدق ترداڤت ڤنچاسن يڠ جلس دري كلاڠن علماء مڠنأي خنثى واضح سمأدا صح اتو تيدق مريك بركهوين، چوما اڤ يڠ داڤت دسيمڤولكن دري ڤنداڠن علماء اين اداله برداسركن إينتيساري درڤد سباليق ڤنجلسن مريك سهاج سڤرتي يڠ دسبوتكن اوليه دوكتور وهبه الزحيلي دڠن كاتڽ: ''سكيراڽ خنثى بركهوين مك ڤساڠن ملاهيركن انق مك اي دكيرا للاكي دان سكيراڽ اي بركهوين مك اي مڠندوڠ مك دكيرا ڤرمڤوان'' . كات٢ اين سئوله منجلسكن بهوا خنثى واضح بوليه بركهوين دڠن للاكي اتو دڠن ڤرمڤوان .

والوباكيمانڤون ببراڤ شرط ڤركهوينن ڤرلو دبري ڤرهاتين دالم منتوكن صح اتو تيدق ڤركهوينن خنثى ايت اتو حرام اتو تيدق ڤركهوينن خنثى اين دڠن مڠمبيل كيرا شرط٢ ڤركهوينن ددالم مذهب٢ فقه .

اي تيدق دكيرا سباكاي مغوبه كجادين الله سبحانه وتعالى كران ممبياركن خنثى دالم كأداءن بكيتو بوليه مندااتغكن مضرة كڤداث سدغكن اسلام ايت داتغ ممباوا مصلحة دان منولق كمضارتن. ملك أتس قاعدة اينيله ڤمبداهن خنثى اداله دهاروسكن.

والوباڬيمانڤون ڤمبداهن جنتينا خنثى اتو مان٢ جنتينا اين مستيله مماتوهي ببراڤ شرط يغ دكناكن دالم حكوم منانم الت كلامين.

دوكتور محمد علي الباز دالم بوكوث برتاجوق "الموقف الفقهى والأخلاقى من قضية زرع الأعضاء" موك سورت 229 منكسكن بهوا منانم اتو مميندهكن بيجي تلور للاكي كڤد للاكي لأين اتو اووراي (ovari) ڤرمڤوان كڤد ڤرمڤوان لأين اداله تيدق هاروس (حرام) كران بيجي تلور دان اووراي (ovari) اين اكن سنتياس مغلواركن بنيه سكاليڤون اي دڤيندهكن كڤد مأنسي لأين دان اين منيمبولكن ڤرچمڤوران كترونن يغ تيدق دهاروسكن اوليه اسلام. تتاڤي كالو مميندهكن اغكوتا كلامين يغ تيدق مميندهكن كتورونن اتو اغكوتا كلامين يغ بوكن ذكر للاكي اتو بوكن فرج ڤرمڤوان ملك دهاروسكن كران ضرورة سكيراث مغيكوت شرط٢ دان نيلاي شريعة اسلام. اين اداله كڤوتوسن مجليس مجمع فقه الإسلام يغ برسيدغ دجده ڤد 17 هيغڬ 23 شعبان 1410 برسمأن 14

مقصودڽ: ''دان دمي سسوڠڬوهڽ، اکو اکن ميستکن مريك (دري کبنران)، دان دمي سسوڠڬوهڽ اکو اکن ممقردايا‌کن مريك دڠن اڠن٢ کوسوڠ، دان دمي سسوڠڬوهڽ اکو اکن ميوروه مريك (منچاچتکن بيناتڠ٢ ترنق)، لالو مريك ممبله تليڠا بيناتڠ٢ ايت؛ دان اکو اکن ميوروه مريك مڠوبه چيڤتاٴن الله . دان (ايڠتله) سسياڤ يڠ مڠمبيل شيطان منجادي ڤميمڤين يڠ دطاعتي سلاٴين دري الله، مك سسوڠڬوهڽ روڬيله اي دڠن کروڬين يڠ ترڠ لاڬي پات'' . (النساء: 119)

كأداٴن كدوا:

يأيت دمان سسئورڠ ايت تيدق داڤت دکسن للاکي اتو ڤرمڤوان مك ڤمبداهن داڤت منتوکن جنتيناڽ للاکي اتو ڤرمڤوان،

كأداٴن كتيك:

دمان سسئورڠ ايت ادالت جنتينا للاکي دان ادالت جنتينا ڤرمڤوان مك ڤمبداهن دبوات اداله اونتوق منتوکن أره توجو سهاج سمأدا كڤد للاکي اتوڤون ڤرمڤوان .

مك دوا سواسانا يڠ اخير اين اداله دکيرا سباڬاي سبهاڬين درڤد ڤباکيت يڠ دهاروسکن اوليه اسلام اونتوق مڠوباتيڽ . مك دڠن اين برمعنا ڤمبداهن يڠ دلاکوکن كأتس خنثى باڬي منتوکن جنتيناڽ ايت اداله هاروس دان

ڤنداڠن مڠنأي بهاکينڽ دالم ڤساك. مك بوليله مرجوع موك سورت 427 (فقه الإسلام) جزء 8 اتو كتاب احكام المواريث فى الشريعة الإسلامية موك سورت 202 كاراڠن محمد محي الدين عبدالحميد.

4. ڤمبداهن خنثى

سبلوم كيت ممبيچارا مڠنأي حكوم ڤمبداهن خنثى، اداله بأيك كالو كيت بيچارا سڤينتس لالو مڠنأي ڤمبداهن مڠوبه جنتينا درڤد للاكي كڤد ڤرمڤوان اتو سباليقڽ. دوكتور محمد خالد منصور دالم بوكوڽ الأحكام الطبيبية المتعلقة بالنساء فى الفقه الإسلامي موك سورت 203 منجلسكن ڤمبداهن كڤد للاكي اكن برلاكو دالم تيݢ كأداءن:

كأداءن ڤرتام:

اياله منوكر وانيتا سچارا ميلوروه كڤد للاكي سڤرتي مموتوڠ تروس بواه دادا دان ممبوڠ سالوران كمالوان دڠن دتانم كمالوان للاكي دتمڤتڽ. مك ڤمبداهن اين اداله حرام سچارا مطلق كران اي دكيرا سباݢاي مڠوبه كجادين الله سڤرتي فرمان الله تعالى:

وَلَأُضِلَّنَّهُمْ وَلَأُمَنِّيَنَّهُمْ وَلَآمُرَنَّهُمْ فَلَيُبَتِّكُنَّ آذَانَ الْأَنْعَامِ وَلَآمُرَنَّهُمْ فَلَيُغَيِّرُنَّ خَلْقَ اللَّهِ ۚ وَمَن يَتَّخِذِ الشَّيْطَانَ وَلِيًّا مِّن دُونِ اللَّهِ فَقَدْ خَسِرَ خُسْرَانًا مُّبِينًا ﴿١١٩﴾

خنثى مينتوه للاكي اتو خنثى مينتوه ڤرمڤوان .

5. سياڤ يڠ ممنديكن ميت خنثى:

دداله كتاب سبيل المهتدين جزء كدوا موك سورت 72 منجلسكن بهوا هاروس باڬي تياڤ٢ للاكي دان ڤرمڤوان ممنديكن ميت خنثى يڠ تيدق ممڤوڽاٴي محرم كران كتياداٴن يڠ لأين لاكي ضعيف شهوة ممنديڠ سبب ماتي .

6. چارا ملتق جنازة خنثى:

جنازة خنثى كتيك هندق دصلاتكن هندقله دلتقكن سام سڤرتي جنازة ڤرمڤوان يأيت كڤلا ميت دسبله كانن إمام دمان إمام برديري بربتولن دڠن ڤوڠڬوڠ ميت سام سڤرتي ڤرمڤوان .

(سيلا ليهت موك سورت 483 نهاية المحتاج)

7. حكوم ڤنريماٴن ڤساك:

دوكتور وهبه الزحيلي دداله كتاب الفقه الإسلامي وأدلته موك سورت 426 جزء كلاڤن منجلسكن سكيراڽ خنثى ايت دكيرا للاكي أتس سبب٢ يڠ دجلسكن يڠ لڤس مك اي منريما ڤساك مڠيكوت بهاڬين للاكي . سباليقڽ جك اي دكيرا ڤرمڤوان مك اي منريما ڤساك مڠيكوت بهاڬين ڤرمڤوان . تتاڤي كالو اي خنثى مشكل مك اي ممڤوڽاٴي بابڤق

2 . حق منجادي إمام صلاة:

خنثى بوليه منجادي إمام كڤد ڤرمڤوان كران كالو دأندايكن اي للاكي مك للاكي صح منجادي إمام كڤد ڤرمڤوان دان جك دأندايكن اي ڤرمڤوان مك ڤرمڤوان صح منجادي إمام كڤد ڤرمڤوان .

تتاڤي خنثى تيدق صح منجادي إمام كڤد للاكي دان تيدق صح جوݢ منجادي إمام كڤد سسام خنثى . اين دمان، خنثى تيدق صح منجادي إمام كڤد للاكي كران كالو اي ڤرمڤوان مك ڤرمڤوان تيدق صح منجادي إمام كڤد للاكي. منكل منجادي إمام كڤد سسام خنثى كران كموغكينن اي ڤرمڤوان دان خنثى يغ منجادي إمام مأموم للاكي – مك ڤرمڤوان تيدق صح منجادي إمام كڤد للاكي .

3 . كدودوقكن خنثى دالم صف صلاة:

دالم صلاة جماعه خنثى هندقله برديري دبلاكڠ صف كانق٢ للاكي دان دهداڤن صف ڤرمڤوان .

4 . حكوم برسنتوهن يغ ممبطلكن وضوء:

ددالم كتاب نهاية المحتاج جزء ڤرتام موك سورة 103 ميبوة للاكي ميتنوه للاكي سكاليڤون أمرد يغ چنتيق دان تيدق باطل وضوء ڤرمڤوان سنتوه ڤرمڤوان . جوݢ تيدق بطل وضوء خنثى ميتنوه خنثى اتو

منكلا مغيكوت كتاب أحكام المواريث موك سورت 202 ڤول خنثى يڠ ممڤوڽاءي لوبڠ اونتوق ممبواڠ اير كچيل تتاڤي تيدق اد كمالوان للاكي دان تيدق اد كمالوان ڤرمڤوان مك اي دكيرا خنثى مشكل سماس اي ماسيه كچيل. كتنتوان جنتيناڽ بوليه دبوات/ دكسن اڤبيل اي ديواسا كلق. كتيك ديواسا، لالو كلوار داره حيض اتو مڠندوڠ مك اي دكيرا ڤرمڤوان. اتوڤون جك اي تيدق دداتڠي داره حيض دان تيدق مڠندوڠ تتاڤي اي منچريتاكن بهوا اي اد كاٴيڠينن كڤد ڤرمڤوان مك اي دكيرا للاكي.

سباليقڽ جك اي منچريتاكن بهوا اي تيدق اد كاٴيڠينن كڤد للاكي اتو كڤد ڤرمڤوان اتو اي اد كاٴيڠينن يڠ سروڤا كڤد للاكي دان ڤرمڤوان مك اي اداله خنثى مشكل.

## 3. كدودوقكن خنثى دالم مشاركة

1. عورة:

دالم كتاب الفقه الإسلامي وأدلته جزء ڤرتام موك سورت 584 منجلسكن بهوا ددالم مذهب حنفي دان مذهب شافعى عورة خنثى سام سڤرتي عورة وانيتا مرديكا يأيت سموا بدان كچوالي موك دان تاڤق تاڠن. مك دكيرا عورة جوڬ رمبوت يڠ ترهولور كلوار دري كڤلا.

والوباكيمانڤون سموا علماء برسڤاكت جك سسئورڠ خنثى ايت دتومبوهي جڠكوت دان ممبسر بواه دادا مك دكيرا خنثى مشكل كچوالي جك اد تندا٢ لأين يڠ بوليه منتوكن للاكي اتو ڤرمڤوان.

(رجوع كتاب أحكام الموارث ص 201-202 اونتوق خنثى واضح دان خنثى مشكل دري كتاب الفقه الإسلامي وأدلته جزء 8 ص 426)

## 2.2 خنثى مشكل:

خنثى مشكل اياله خنثى يڠ تيدق جلس كأداءن الت جنتيناڽ مك تيدق بوليه دبيذاكن سمأدا للاكي اتو ڤرمڤوان سڤرتي اي ممبواڠ اير كچيل ملالوءي كدوا٢ الت جنتينا سرنتق اتوڤون تومبوه جڠكوت دان ممبسر بواه دادا ڤد ماس يڠ سام.

مڠيكوت دوكتور (وهبه الزحيلي) ددالم كتاب الفقه الإسلامي وأدلته موك سورت 426 جزء كلاڤن بهوا جك سئورڠ خنثى بركهوين دڠن سئورڠ ڤرمڤوان مك ڤرمڤوان ايت ملاهيركن انق مك خنثى ايت دكيرا للاكي. دان كالو خنثى ايت بركهوين دڠن للاكي مك خنثى ايت مڠندوڠ مك اي دكيرا ڤرمڤوان. ڤنداڤت دوكتور وهبه اين سچارا تيدق لڠسوڠ منجلسكن بهوا خنثى بوليه بركهوين سمأدا دڠن للاكي اتو دڠن ڤرمڤوان.

واضح بهكن اي دكيرا خنثى مشكل .

تتاڤي مغيكوت ڤنداغن أبو يوسف، محمد بن حسن الشيباني، إمام مالك، إمام شافعى دان إمام أحمد بن حنبل جك باڤق كلوار ملالوءي كمالوان للاكي مك دكيرا للاكي دان جك باڤق كلوار ملالوءي كمالوان ڤرمڤوان مك دكيرا ڤرمڤوان .

كدوا: تومبوه جڠكوت: مغيكوت ڤنداڤت ابو حنيفه، مالك دان أحمد بن حنبل جك تومبوه جڠكوت مك اي دكيرا للاكي . تتاڤي شافعى ڤول برڤنداڤت جك تومبوه جڠكوت سهاج تيدق بوليه دكيرا للاكي كالو تيدق دسوكوڠ دڠن تندا٢ لأين بهكن اي ماسيه دكيرا خنثى مشكل .

كتيک: ڤمبسرن بواه دادا: مغيكوت ڤنداڤت أبو حنيفه دان مالك جك ممبسر بواه دادا مك دكيرا ڤرمڤوان . تتاڤي شافعى دان أحمد بن حنبل برڤنداڤت كالو ممبسر بواه دادا سهاج دڠن تيدق دسوكوڠ اوليه تندا٢ لأين مك تيدق بوليه دكيرا خنثى واضح بهكن اي ماسيه دكيرا خنثى مشكل .

كدوا: كموڠكينن ممبواڠ اير كچيل ملالوءي كدوا٢ الت سچارا سرنتق تتاڤي يڠ ساتو منداهولوءي يڠ ساتو لاكي اومڤماڽ اير كنچيڠ كلوار ملالوءي الت جنتينا للاكي دهولو مك دكيرا للاكي دان جك اير كنچيڠ كلوار ملالوءي الت جنتينا ڤرمڤوان دهولو مك دكيرا ڤرمڤوان. كأداءن اين دكيرا سروڤا يڠ مودا اتو يڠ توا.

كتيݢ: اين اداله ترتنتو اونتوق اورڠ ديواسا سهاج يأيت جك كلوار اير ماني ملالوءي كمالوان للاكي دكيرا للاكي دان جك كلوار حيض ملالوءي كمالوان ڤرمڤوان مك دكيرا ڤرمڤوان.

علماء برسليسيه ڤنداڤت ڤد خنثى يڠ جلس الت جنتيناڽ تتاڤي بربيذا ڤد تيݢ ڤركارا:

ڤرتام: ممبواڠ اير كچيل ملالوءي كدوا٢ كمالوان سرنتق دان تيدق اد يڠ دهولو دان كمودين تتاڤي بايق ملالوءي ساتو الت سهاج دان تيدق بايق ملالوءي الت يڠ ساتو لاكي.

مك ڤنداڤت إمام أبو حنيفه بهوا خنثى اين تيدق بوليه دكاتيݢوريكن سباݢاي خنثى

# خنثى منوروت اسلام

(اوليه توان الشيخ عبدالحميد بن محمد طاهر)

1. ڤغرتين خنثى

خنثى اياله مأنسي يغ اد الت جنتينا للاكي دان الت جنتينا ڤرمڤوان اتو تيدق اد الت جنتينا للاكي اتو ڤرمڤوان تتاڤي ممڤوڽاءي سالوران اونتوق ممبواڠ اير کچيل.

2. جنيس٢ خنثى

خنثى تربهاݢي کڤد دوا جنيس، يأيت:

1. خنثى واضح (خنثى يغ جلس جنتيناڽ) للاكي اتو ڤرمڤوان يأيت سسئورغ يغ اد دوا الت جنتينا: الت جنتينا للاكي دان الت جنتينا ڤرمڤوان.
2. خنثى مشكل - خنثى يغ تيدق جلس الت جنتيناڽ سمأدا للاكي اتو ڤرمڤوان.

2.1 خنثى واضح:

علماء تله مموتوسکن بهوا اورڠ يغ ممڤوڽاءي دوا الت جنتينا اين بوليه دتنتوکن للاكي اتو ڤرمڤوان دڠن ساله ساتو درڤد تيک چارا:

ڤرتام: جك اي ممبواڠ اير کچيل دري الت للاكي مك اي دکيرا للاكي دان جك اي ممبواڠ اير کچيل ملالوءي الت جنتينا ڤرمڤوان مك اي دکيرا ڤرمڤوان.

# سقاته كات

## داتوء مفتي نكري قدح دار الأمان

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على إمام الداعين وسيد الذاكرين سيدنا محمد نالمبعوث رحمة العالمين وعلى ءاله وصحبه اجمعين . أما بعد؛

ساي مغهراڤكن اكر رساله اين داڤت منجادي باهن رجوعكن دان سباݢاي ڤندوان كڤد اومة اسلام ترهادڤ ڤرسوألن يغ نادير تتاڤي تيدق مستحيل برلاكو دالم مشاركة . كيت سريغ برتمو دان برببنچڠ تنتڠ ڤرسوألن اين تتاڤي تيدق سچارا سڤيسيفيك دان برترسكن شريعة . جوسترو ايت سكورڠ٢ڽ رساله اين منچتوس سوات ايرا بارو دالم فتوى بيلا ممبينچڠكن ايسو كونتيمڤوراري سڤرتي اين .

مسكيڤون كيت ڤرلو ملاكوكن ڤنمبه بأيقكن دري سماس كسماس ترهادڤ ايسو٢ سڤرتي اين اكر اي لبيه منتڤ نامون سباݢاي كلڠسوڠن علمو اياڽ ڤرلو دتربيتكن سباݢاي واده فتوى كڤد مشاركة دمي مڤدركن مشاركة ترهادڤ ڤرانن فتوى ايت سنديري .

ساي مراكمكن اوچاڤن تريما كاسيه كڤد ڤيهق٢ يغ ترليبت منربيتكن رساله اين دان ڤنتصحيح يغ ممبري كرجسام دان كوميتمين سهيڠݢ رساله اين برجاي دتربيتكن . تريما كاسيه جوݢ كڤد ڤيهق JAKIM، دوكتور انور حسيني بن حسين دري هوسڤيتل الور ستر يغ تله ميمڤيكن تعليمت بركأيتن خنثى كڤد اهلي جواتنكواس فتوى نكري دان تريما كاسيه جوݢ كڤد يغبربهاݢيا توان الشيخ عبدالحميد بن محمد طاهر يغ تله ممبريكن سومباڠن ڤنوليسن .

سموݢ رساله اين داڤت دمنفعتكن باݢي كمصلحتن اومة .

**داتوء ڤادوك الشيخ حسب الله بن حاج عبدالحليم ،**
دي . ايچ . عيم . ايس . ، دي . ايس . دي . كيه . ، بي . سي . كيه .
(مفتي نكري قدح دار الأمان)

## كندوڠن

دكلواركن اوليه:
جباتن مفتي نݢري قدح دارالأمان
دڠن كرجسام
مجليس اݢام اسلام نݢري قدح دارالأمان